

13/06/1998

Iltizam Umno Johor terus jadi tiang seri

Saodi Mat Atar

PULAU Sibu Tengah, yang sesuai untuk pasangan berbulan madu, bertukar menjadi gelanggang Umno Johor menggerakkan usaha agar parti menilai diri sendiri terutama ketika negara tertekan dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Tema konvensyen selama dua hari itu - Agenda Ekonomi Bangsa: Reformasi, Keadilan, Keseimbangan - bertujuan mengembalikan Umno kepada perjuangan asalnya yang berteraskan agama, bangsa dan negara.

Persoalan mengenai tema itu bukan saja didebat untuk digarap oleh Umno Johor, malah relevan kepada peringkat kebangsaan, agar sama-sama dihayati dan diterjemah dalam bentuk amalan.

Langkah Umno Johor menggerakkan perdebatan itu agar parti yang menguasai tampuk pemerintahan negara tidak tergelincir dari landasannya, bersesuaian dengan kelahiran Umno yang dipahatkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946.

Konvensyen itu mengingatkan Umno agar tidak lupa kepada perjuangan asalnya memartabatkan bangsa Melayu, yang seharusnya disusuli amalan berpegang kepada prinsip keadilan dan keseimbangan.

Seperti kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan konvensyen itu, kewujudan Umno yang menjanjikan keadilan dan ungkapan menegakkan martabat orang Melayu akan dipertikaikan jika demokrasi dan musyawarah diketepikan, ketelusan tidak wujud, peluang dibolot segolongan kecil dan rasuah dibiarkan bermaharajalela.

Kenyataan lebih terbuka Anwar sebagai orang nombor dua dalam parti mahupun pentadbiran negara, menuntut Umno bersedia mengakui kelemahan dan memperbaikinya menerusi semangat pembaharuan dan reformasi berterusan.

Kata-kata Timbalan Perdana Menteri itu menyambut ucapan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang menegaskan reformasi menuntut sikap jujur, lebih berterus terang dan berani di semua peringkat kepemimpinan parti.

Bagi Abdul Ghani, negara memerlukan barisan kepemimpinan yang mempunyai idealisme dan sanggup bersama-sama mengharungi perjuangan serta cabaran, mempunyai kekuatan intelektual selain bersedia mendengar pandangan dan kritikan.

Beliau menegaskan kepemimpinan dimaksudkan itu seharusnya memiliki keikhlasan dengan menjadikan kepentingan ramai sebagai keutamaan, sekali gus akan menterjemahkan kata-katanya ke dalam bentuk amalan.

Prinsip ini sebenarnya sudah diterapkan oleh Bapa Umno sendiri, Datuk Onn Jaafar yang kuat berpegang kepada prinsip menolak amalan suku-sakat yang menolong sahabat-handai dan nepotisme yang membantu suku-sakat serta keluarga sendiri.

Allahyarham Anwar Abdullah dalam bukunya, Datuk Onn - Riwayat Hidup menulis: "Datuk Onn tidak pernah mempunyai minat untuk mengumpul harta, mencari kekayaan diri, keluarga atau anak cucunya, terutama ketika mempunyai pengaruh atau berkuasa memegang jawatan Menteri Besar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri."

Sikap Datuk Onn itu menepati prinsip yang seharusnya ada pada setiap pemimpin Umno dan adalah tepat apabila Abdul Ghani yang kini memimpin Umno negeri Johor, membangkitkan semula hakikat perjuangan parti hendaklah meletakkan kepentingan ramai mengatasi kepentingan peribadi.

Perjuangan meletakkan kepentingan ramai sebagai keutamaan dalam pentadbiran negeri dan negara adalah amalan ke arah keadilan dan keseimbangan yang dimaksudkan dalam tema konvensyen Umno Johor itu.

Konvensyen itu adalah daya usaha Umno Johor yang didorongi kesedaran parti harus kukuh di landasannya, dengan keperluan melakukan reformasi termasuk sikap dan budaya agar ekonomi negara dapat dipulihkan.

Ia juga bakal meletakkan semula Umno Johor dalam arus perdana parti sebagai kesinambungan peranan negeri kelahiran Umno itu dalam perjuangan orang Melayu selama ini.

Kalau Umno lahir dan mula bernafas di Johor dan menjadi penggerak utama kebangkitan orang Melayu di zaman penjajahan, Umno Johor sekarang ini pula mahu mengembalikan arus kesedaran mengenai keadilan dan keseimbangan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri pernah mengungkapkan Umno Johor adalah `Jantung Hati BN' dan `Tiang Seri Umno', maka sewajarnya Johor memainkan peranan cukup besar bagi mempertahankan pemerataan keadilan terhadap rakyat.

Jumlah keahlian hampir 370,000 orang dengan 1,746 cawangan menunjukkan Umno Johor mempunyai kekuatan akar umbi yang cukup mantap sesuai dengan kedudukannya sebagai tiang seri.

Sebagai tiang seri itu jugalah, Umno Johor harus tegak memastikan parti tidak tergelincir dan sejak dulu, Umno Johor memainkan peranan besar bermula dengan Datuk Onn dan disambung oleh Allahyarham Tun Dr Ismail Datuk Abdul Rahman, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tan Sri Musa Hitam.

Sebenarnya, ramai lagi tokoh dari Johor pernah berada di barisan hadapan Umno termasuk Tan Sri Sardon Zubir, Tan Sri Mohd Noah Omar, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Ibu Zain (sekadar menyebut beberapa nama), namun selepas Musa tercicir daripada barisan kepemimpinan atasan Umno dalam percaturan politik ketika pemilihan 1987, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin menyambung nafas Umno Johor menjadi Naib Presiden parti selama sepenggal.

Apabila Muhyiddin tewas dalam pemilihan 1996, Umno Johor dilihat sebagai berpecah dan mula hilang `kehormatannya' sebagai tempat kelahiran Umno, sekalipun ia mempunyai kekuatan yang terpancar dari 20 bahagian di seluruh negeri.

Sekarang, Abdul Ghani mengumpulkan semua kekuatan itu dalam satu ikatan dan mengajak setiap bahagian menilai diri dan menyatukan kekuatan dalaman masing-masing untuk mengukuhkan perjuangan Umno menerusi amalan dan bukan sekadar pidato dan retorik.

Konvensyen di Pulau Sibulau itu menampakkan penyatuan Umno Johor di bawah satu bumbung untuk bersama-sama menyusun agenda kerja negeri yang turut relevan di peringkat pusat bagi membangunkan ekonomi bangsa.

Hampir semua perwakilan tidak berganjak sepanjang sesi perbahasan pada hari kedua yang melampaui masa diperuntukkan, selepas dihidangkan pada hari pertama dengan ucapan Anwar dan Abdul Ghani yang menghuraikan tema konvensyen itu.

Konvensyen itu mencetuskan supaya satu perbincangan mendalam mengenai langkah pemulihan ekonomi yang merata dan adil diadakan sebelum akhir tahun ini untuk diajukan kepada kerajaan negeri dan Pusat.

Tumpuan kepada pemerataan dan adil itu selaras dengan bentuk pembangunan negeri Johor yang cuba mengamalkan keseimbangan antara bandar dan desa, material dan rohaniah, usahawan besar dan peniaga kecil, perindustrian dan pertanian.

Pembinaan jalan luar bandar dengan mengagihkan kerjanya kepada lebih 170 kontraktor Bumiputera di seluruh negeri, baik pulih masjid, pembinaan perpustakaan desa, pembangunan pusat penjaja dan tumpuan pembinaan rumah rakyat adalah antara pengagihan fizikal di Johor.

Pada masa sama, usaha membudayakan al-Quran tidak sekadar sebutan di mulut tetapi dilaksanakan hampir di setiap masjid, kelas al-Quran dikendalikan oleh qari dan qariah Johor di peringkat antarabangsa, di samping usaha memupuk semula jati diri dengan kembali kepada identiti termasuk budaya seperti zapin dan ghazal.

Semua itu, terutama kemantapan ekonomi, penting untuk memelihara kestabilan politik yang dinikmati sekian lama dengan bertunjangkan kejujuran dan keikhlasan.

(END)